



## JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

### **KENYATAAN MEDIA**

#### **JPA NAFI PEMILIK AKAUN FACEBOOK MOHAMED MANSOR AR SEBAGAI PENJAWAT AWAM**

- 
1. Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) ingin memaklumkan bahawa kenyataan oleh seorang pengguna FB menerusi akaun Mohamed Mansor AR yang menyatakan beliau telah berkhidmat sebagai penjawat awam (PTD) adalah tidak benar. Menerusi semakan oleh pihak JPA di Human Resource Management Information System (HRMIS) mendapati nama tersebut tidak terpapar dalam sistem kami sebagai anggota Perkhidmatan Awam seperti mana yang didakwa oleh penulis.
  
  2. Pihak JPA amat kesal dengan tindakan pihak terbabit. Sehubungan itu, pihak JPA menyarankan supaya pemilik akaun tersebut dapat memberikan pembuktian bahawa beliau adalah Penjawat Awam atau menarik semula kenyataan yang menyatakan beliau adalah Penjawat Awam serta membuat permohonan maaf dalam tempoh 48jam. Sekiranya tiada tindakan susulan, pihak kami akan membuat laporan polis untuk tindakan selanjutnya. Tindakan ini diambil atas sebab beliau telah menyamar sebagai Penjawat Awam dan seterusnya memberi persepsi yang tidak baik

serta mencemarkan imej dan reputasi institusi Perkhidmatan Awam.

3. Penjawat Awam sentiasa melaksanakan tugas dengan prinsip yang bersifat apolitikal, profesional dan neutral selari dengan mantranya iaitu Berkhidmat Untuk Negara.
4. Pihak JPA juga ingin mengingatkan agar semua pihak tidak mengaitkan institusi Perkhidmatan Awam dengan kenyataan yang boleh mengelirukan serta memberi persepsi negatif kepada Penjawat Awam secara keseluruhannya.

#####

**Jabatan Perkhidmatan Awam**

Tarikh : 16 Mei 2020

Tel : 03 - 8885 3096/ 3146

Emel : [komunikasi@jpa.gov.my](mailto:komunikasi@jpa.gov.my)

No. Ruj.: JPA.100-9/1/2 (86)